

Cubaan rasuah, pemegang lesen barang kawalan dicekup

Diterbitkan pada 25 Aug 2019 7:55PM · 0 Komen



Hasil pemeriksaan mendapati bahawa pemilik premis berkenaan telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan 10 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (PPKB) 1974, iaitu mempunyai dalam milikan had yang melebihi dari dinyatakan dalam lesen iaitu sebanyak 140 kilogram gas cecair petroleum pada satu-satu masa. – Gambar fail The Malaysian Insight, 25 Ogos, 2019.

SEORANG pemegang lesen barang kawalan di Seremban 2, ditahan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Seremban, kerana cuba merasuah sepasukan penguatkuasa.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP negeri Johary Yacob berkata individu itu cuba merasuah penguatkuasa KPDNHEP, yang ketika itu sedang menjalankan pemeriksaan ke atas sebuah premis dipercayai menyimpan barang kawalan melebihi dari had dibenarkan, pukul 10.45 pagi, semalam.